

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1 (3)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 03 TAHUN 2013**

Tarikh : 26 Mac 2013 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.45 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Arumugam a/l Kalimuthu | - | " |
| 5. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 6. | Encik Mohd Nasir bin Yusof | - | " |
| 7. | Puan Norhesni binti Ismail | - | " |
| 8. | Encik Ng Sze Han | - | " |
| 9. | Encik Sapiyan bin Mohd. Din | - | " |
| 10. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |

11.	Encik Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen	-	"
12.	Encik Sufari bin Tinnin	-	"
13.	Encik Chong Hoon Ming	-	"
14.	Puan Azizan binti Jamaludin	-	"
15.	Encik Jaber bin Ami	-	"
16.	Encik Muzammil bin Hafiz	-	"
17.	Encik Chia Yew Ken	-	"
18.	Puan Sazana binti Isa	-	"
19.	Encik Chang Kim Loong, AMN	-	"
20.	Encik Cheah Sang Soon	-	"
21.	Encik Rajiv a/l Rishyakaran	-	"
22.	Encik Loka Ng Sai Kai	-	"
23.	Encik Michael Noel Jalleh	-	"

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1.	Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh	-	Ahli Majlis
2.	Dr. Loi Kheng Min	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Encik Mohd. Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd. Basar
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Encik Norjafni bin Zainuddin
Pengarah, Jabatan OSC
9. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Zahiruddin bin Hashim
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Pengarah, Jabatan Bangunan

14. Mejar (B) Mohd Rasip bin Rasul
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
15. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
17. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
18. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
19. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
20. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
21. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
22. Tuan Haji Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
23. Encik Mohd Razif bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
24. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
25. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
26. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
27. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat

28. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
29. Puan Aziana binti Mohamad Aripin
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
30. Encik Muhammad Hafidz bin Hassan
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
31. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
32. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
33. Cik Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
34. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
35. Encik Rostam bin Salleh
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
36. Puan Kamilawati binti Ibrahim
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
37. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
39. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
40. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
41. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

42. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
43. Dr. Ahmad Zulhizri bin Ahmad Suhaimi
Pegawai Veteriner, Jabatan Kesihatan
44. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
45. Mohd Nazri bin Jamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
46. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
47. Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
48. Diana binti Mohamed Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
49. Cik Hasnah binti Najeri
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, Jabatan Kesihatan
50. Puan Siti Rohana binti Abdul Hamid
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, Jabatan Kesihatan
51. Mohd Khairul Faiz bin Hairuddin
Penolong Pegawai Penilaian, Jabatan COB
52. Siti Syarezza binti Mohd Hisham
Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan COB

URUSETIA

1. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Habibah binti Ab.Manap
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Muzammil bin Hafiz, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 03/2013 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 Pelancaran Tabung Perwira Lahad Datu MPSJ 2013

Selaku Pihak Berkuasa Tempatan yang prihatin dengan isu semasa terutama dengan kejadian di Lahad Datu, Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan berbesar hati melancarkan **TABUNG PERWIRA LAHAD DATU MPSJ 2013** pada hari ini. Tabung ini akan dibuka untuk sumbangan sehingga 29 Mac 2013 (Jumaat).

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis menyeru Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MPSJ untuk memberi sumbangan ikhlas bagi meringankan beban dan membantu keluarga perwira-perwira negara yang telah gugur.

2.2 Lawatan Panel Penilai Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2013

MPSJ telah menerima Lawatan Panel Penilai Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) pada 12 Mac 2013.

MPSJ telah mempertaruhkan dua (2) projek inovasi utama iaitu:

- i. Sistem Kawalan, Pencegahan Dan Pembasmian Pembiakan *Nyamuk Aedes* Menggunakan *Nyamuk Toxorhynchites (Toxo)* dan *Aedes Buster Car (ABC)*
- ii. Gerbang Perkhidmatan MPSJ

Kedua-dua projek ini selari dengan penjenamaan MPSJ sebagai *Perbandaran Vibrant* bagi menghadapi cabaran mengurus tadbir sebuah perbandaran yang maju, dinamik dan berdaya saing.

2.3 Majlis Pelancaran E-Pusara MPSJ

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan satu Majlis Pelancaran E-Pusara MPSJ serta Penyerahan Watikah Kebenaran Pengebumian Jenazah Di Tanah Perkuburan Islam di kawasan pentadbiran MPSJ pada 22 Mac 2013 (Jumaat) jam 8.30 pagi bertempat di Tapak Tanah Perkuburan Islam MPSJ, USJ 22, Subang Jaya.

Sistem E-Pusara MPSJ merupakan satu inovasi yang dibangunkan bersama oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan Jabatan Teknologi Maklumat bagi menjadikan sistem pengurusan kubur lebih teratur dan efektif.

Secara umumnya, sistem ini memberi kemudahan kepada orang awam terutamanya waris simati untuk melakukan carian di laman web MPSJ mengenai lokasi jenazah yang dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam USJ 22, Subang Jaya.

Maklumat seperti nama simati, lokasi dikebumikan dan gambar pusara akan dipaparkan setelah proses carian dilakukan.

Penambahbaikan ke atas sistem ini akan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi menjadikan Sistem E-Pusara MPSJ ini lebih sistematik dan lebih mesra pelanggan.

2.4 Majlis Sesi Suaikenal Pegawai Kawasan 'Area Officer JKP' Dengan Ahli Majlis

Majlis ini diadakan untuk memperkenalkan Pegawai Kawasan JKP (Area Officer JKP) bagi sesi 2013 kepada Ahli-Ahli Majlis Kawasan. Selain daripada itu, ianya bertujuan bagi menerangkan fungsi Pegawai Kawasan JKP serta peranan mereka dalam membantu Jawatankuasa Penduduk MPSJ (JKP). Program ini akan diadakan pada 26 Mac 2013 (Selasa) jam 3.00 petang bertempat di Laman Tun Teja, Kompleks 3C, Bandar Sunway.

2.5 Program Ramah Mesra Ke Perkampungan Orang Asli, Sungai Rasau Hilir, Bukit Puchong

Program ini merupakan program yang julung-julung kali diadakan bagi mendekatkan pihak Majlis dengan masyarakat Orang Asli dalam kawasan pentadbiran MPSJ. Semua jemputan, Ahli Majlis dan Ketua Jabatan adalah diminta untuk hadir ke program ini bagi sesi ramah mesra bersama masyarakat Orang Asli. Setiap JKP akan menyampaikan cenderahati berupa barangan yang bernilai RM 200.00 kepada masyarakat Orang Asli.

Selain itu juga beberapa aktiviti bersama masyarakat Orang Asli turut diadakan seperti sukan rakyat, pertandingan menyumpit, persembahan kebudayaan (Tarian Sewang), penyampaian sumbangan kepada warga emas dan anak-anak yatim dan juga jamuan bersama masyarakat Orang Asli. Program ini akan diadakan pada 30 Mac 2013 (Sabtu) jam 8.30 pagi – 1.00 tengah hari bertempat di Perkampungan Orang Asli, Sungai Rasau Hilir, Bukit Puchong.

2.6 Karnival Zon Bersih MPSJ Di Puchong Perdana

Sukacita dimaklumkan bahawa lokasi Zon Bersih MPSJ pada tahun ini adalah di Taman Puchong Perdana. Sehubungan dengan itu, sebagai langkah permulaan bagi memaklumkan kepada masyarakat setempat, satu program Karnival Zon Bersih 1 (Puchong Perdana) akan diadakan. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada penduduk sekitar agar menjaga kebersihan di kawasan mereka selain penglibatan JKP Zon 13 dalam Program Zon Bersih 2013.

Program ini akan diadakan pada 31 Mac 2013 (Ahad) jam 8.00 pagi – 12.00 tengah hari bertempat di Garnet Apartment Puchong, Jalan Indah 1 (Blok 4 Kawasan Zon Bersih). Di antara pengisian program yang akan diadakan adalah seperti berikut;

- i. Program Kayuhan Hidup Sihat MPSJ
- ii. Taklimat Zon Bersih
- iii. Gotong Royong
- iv. Pameran Kesihatan
- v. Sukan Rakyat
- vi. Pertandingan Mewarna (Bertemakan Zon Bersih)
- vii. Program Hal Ehwal Wanita

2.7 Laporan Demam Denggi

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 12 (iaitu sehingga 15 Mac 2013) adalah sebanyak 170 kes dilaporkan dan sebanyak 94 kes disahkan positif. Buat masa ini tiada kawasan 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ. Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan kempen 10 minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

2.8 Pembukaan Sistem Jalan Baru Di Persimpangan Bertingkat Subang Jaya Selatan

Oleh Tetuan : One City Property Sdn. Bhd.

- i. Kerja-kerja pembinaan bermula pada Ogos 2011.
- ii. Kerja-kerja pembinaan jalan tersebut selesai pada awal Mac 2013.
- iii. Pihak Majlis telah mengambil maklum tentang pembukaan sistem jalan baru di Persimpangan Bertingkat Subang Jaya Selatan dan tiada halangan bagi permohonan jalan tersebut dengan syarat;
 - a) Pihak pemaju / perunding perlu memantau sistem lampu isyarat sedia ada di hadapan USJ 18 (J31) supaya keadaan lalulintas sentiasa bergerak lancar.
 - b) Rujukan Surat : MPSJ/KEJ/IN/100-12/5/2/BP5 – 2013
Tarikh : 12 Mac 2013
- iv. Pihak pemaju telah menghantar permohonan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) berkaitan pembukaan jalan tersebut.
- v. Jambatan tersebut mempunyai 3 lorong, setiap lorong 3.5m, keseluruhan lebar jambatan tersebut adalah 11.5m.
- vi. Pembukaan sistem jalan baru tersebut telah dirasmikan pada 24 Mac 2013 (Ahad) jam 3.00 petang di Sky Park One City.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 02/2013 BERTARIKH 27 FEBRUARI 2013.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 02/2013 bertarikh 27 Februari 2013 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Penyediaan Tong Sampah Di Tapak Pasar Malam Pusat Perdagangan Seri Kembangan

Encik Tai Cheng Heng memohon supaya ditambah bilangan tong sampah di tapak pasar malam Pusat Perdagangan Seri Kembangan.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

4.2 Laporan Bulanan Polis Daerah Subang Jaya

Encik Rajiv a/l Rishyakaran memohon supaya pihak polis memberikan maklumat terkini mengenai pemotongan bekalan elektrik di premis perjudian internet yang beroperasi secara haram.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

4.3 Cadangan Pemberian Slot Penyiaran Percuma Kepada Pihak Majlis Di Pawagam Di Kawasan Pentadbiran MPSJ

Encik Arumugam a/l Kalimuthu mencadangkan supaya pihak Majlis mensyaratkan kepada pemilik pawagam yang beroperasi di kawasan pentadbiran MPSJ supaya memberikan slot penyiaran percuma kepada pihak Majlis untuk menyiarkan video korporat MPSJ atau mempromosikan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh MPSJ untuk makluman kepada orang ramai.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

5.0 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima Laporan Pembentangan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 05/2013 Bertarikh 05 Mac 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 06/2013 Bertarikh 19 Mac 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.1 m.s 8 dan m.s 9	En. Chang Kim Loong	Sunway South Quay Sdn. Bhd.	<p>Beliau meminta supaya pihak Majlis menetapkan segera tarikh untuk diadakan sesi taklimat berkenaan 'Traffic Impact Assesment' (TIA) dan cadangan 'Bus Rapid Transit (BRT) bersama Jawatankuasa OSC Majlis, Ahli Majlis, Pengerusi JKP dan persatuan penduduk.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' YDP bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya surat makluman keputusan bagi permohonan ini hanya akan dikeluarkan kepada pihak pemohon dan perunding setelah sesi taklimat berkenaan diadakan.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
2	para 4.1 m.s 8 dan m.s 9	En. Arumugam a/l Kalimuthu	Sunway South Quay Sdn. Bhd.	Beliau mencadangkan supaya laporan 'Traffic Impact Assesment' (TIA) dijadikan sebagai syarat kelulusan ke atas permohonan Kebenaran Merancang bagi cadangan pembangunan ini. <u>Maklumbalas:</u> Dato' YDP bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya syarat tersebut dimasukkan di dalam Kebenaran Merancang.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 03/2013 Bertarikh 11 Mac 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	m.s 1	En. Jaber bin Ami	Kehadiran Mesyuarat	<u>Pindaan Minit :</u> Beliau meminta supaya nama beliau dimasukkan dalam senarai kehadiran ahli Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 03/2013.
2	para 5.5.1 m.s 21	En. Mohd Nasir bin Yusof	Sistem Lampu Limpah Di Gelanggang Futsal Kampung Seri Aman	<u>Pindaan Minit :</u> Ahli Mesyuarat telah bersetuju mengekalkan waktu penggunaan lampu limpah daripada jam “ 7 malam hingga 7 pagi ” bagi mengelakkan vandalism di kawasan berkenaan.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 03/2013 Bertarikh 13 Mac 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 03/2013 Bertarikh 13 Mac 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersejua menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 6.3.4 m.s 11	En. Rajiv a/l Rishyakaran	Sampah Longgok Di SS18 dan SS17	<u>Tambahan Minit :</u> Beliau memohon pemantauan dan pembersihan sampah longgok di SS18/2, SS18/4G, SS18/5 dan SS17/2. Beliau turut meminta supaya kerja-kerja pembersihan kerap diadakan di kawasan tersebut.
2	para 6.3.8 m.s 11	En. Rajiv a/l Rishyakaran	Penyediaan CCTV Di Pangsapuri Kos Rendah SS19/7	<u>Tambahan Minit :</u> Beliau juga memohon supaya pihak Majlis menyediakan CCTV di pangsapuri kos rendah SS19/7 bagi memantau pembuangan sampah pukul seperti sisa bahan binaan kontraktor dan pembuangan perabot lama oleh orang luar.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Dato' YDP meminta Jabatan Pengurusan Alam Sekitar mengadakan perbincangan lanjut bagi membincangkan cadangan kaedah penyelesaian berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 03/2013 Bertarikh 18 Mac 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.9 m.s 11	En. Arumugam a/l Kalimuthu	Cadangan Kerja-Kerja Membekal, Memasang Dan Mentauliah Sistem Penghawa Dingin Di Sebahagian Bangunan Ibu Pejabat MPSJ (Fasa Pertama)	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung perkara ini sehingga kajian menyeluruh berkenaan sistem penghawa dingin di Bangunan Ibu Pejabat MPSJ disiapkan.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Dato' YDP meminta Jabatan Kejuruteraan menyediakan kertas kerja berhubung kajian menyeluruh mengenai sistem penghawa dingin di Bangunan Ibu Pejabat MPSJ.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 02/2013 Bertarikh 19 Mac 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 03/2013 Bertarikh 20 Mac 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 03/2013 Bertarikh 20 Mac 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 Ucapan penangguhan diterima daripada Encik Chang Kim Loong (seperti di lampiran).

Tindakan : Makluman

7.2 Pengerusi Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

‘MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI’

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO’ ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Tarikh :